

Kes saman Mujahid terhadap Harakah berhubung isu Sajat bertelekung selesai

Dikemas kini 1 bulan yang lalu · Diterbitkan pada 20 Sep 2021 5:34PM · 0 Komen



Peguam Noorazmir Zakaria berkata kes saman fitnah Mujahid Yusof terhadap Harakah berhubung isu usahawan kosmetik Nur Sajat yang didakwa memakai telekung dan berpakaian seperti wanita sewaktu menunaikan umrah telah selesai. – Gambar fail The Malaysian Insight, 20 September, 2021.

KES saman fitnah difailkan Mujahid Yusof terhadap Harakah berhubung isu usahawan kosmetik Muhammad Sajjad Kamaruzzaman atau Sajat, yang didakwa memakai telekung dan berpakaian seperti wanita sewaktu menunaikan umrah, selesai melalui proses mediasi.

Perkara itu dimaklumkan peguam Noorazmir Zakaria yang mewakili Mujahid ketika dihubungi Bernama, selepas prosiding secara dalam talian (Zoom) di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Zulqarnain Hassan hari ini.
